

Karangan Deskriptif 2

Kamu telah menghadiri sebuah bengkel motivasi diri anjuran pihak sekolah kamu. Ceritakan pengalaman kamu semasa menghadiri bengkel tersebut. Nyatakan juga perkara-perkara yang telah kamu raih daripada bengkel tersebut. [Incident]

Introduction

Conflict

- Fly on a Wall Perspective
 - Suspense Element
- Incident*

Sudah hampir tiga minit aku menutup mata. Aku mendengar dengan teliti suara yang mengajakku membayangkan suatu kemungkinan yang boleh berlaku. Di tengah-tengah kotak fikiranku muncul sebuah keranda yang terbaring di atas sebuah meja besar di dalam sebuah bilik. Aku tidak pasti apakah bilik itu. Yang nyata, penutup keranda itu terbuka luas. Malangnya jarak aku dengan keranda itu agak jauh untuk aku lihat mayat siapakah yang berbaring di dalam keranda itu [INCIDENT]. Aku maju ke hadapan, menuju ke arah keranda itu dengan perlahan. Mataku hanya tertumpu pada keranda itu seperti tidak mahu melepaskan peluang melihat apakah isi keranda itu. Jantungku mula berdegup dengan pantas. Aku dapat merasakan nadiku seperti irama yang mencemaskan. Bulu romaku tegak berdiri saat aku mula melihat bahagian kepala mayat. Mayat siapakah ini? Semakin hampir aku dengan keranda itu, penglihatanku disambut dengan wajah si mayat. Yang dapatku lihat pada mulanya adalah hidungnya. Kemudian bibir dan mulutnya, serta kelopak mata dan dahinya, dan akhirnya seluruh wajahnya kelihatan jelas sekali. Ibu! Ibu! Ibu! Teriakanku mengisi ruang kotak fikiranku. Sekujur tubuh yang tidak bernyawa itu milik ibuku. Ibuku sudah tiada lagi. Hidungku mula rasa tersumbat. Air mata mula mengalir membasahi pipiku. Kalaulah aku menangis selautan air pun, pasti ibu tidak akan kembali lagi. Aku telah bersalah kepada ibu. Aku yang menyebabkan kehidupannya menderita. Aku yang harus mati, bukannya ibu. Ingin aku meraung sepenuh hati. Namun, niatku terbantut apabila aku mendengar bunyi tangisan di sekelilingku. Tangisan siapakah itu? Siapakah yang juga meratapi kepermegian ibuku. Aku tidak pasti.

Background Information

Itulah pengalaman yang sangat menyentuh perasaanku sewaktu aktiviti pada sebelah petang hari ketiga bengkel motivasi yang dianjurkan oleh sekolahku. [Start background] Bengkel tersebut diadakan pada awal tahun untuk para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan nasional. Tujuannya diadakan agar para pelajar tersebut akan menjadi lebih bermotivasi untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mendapatkan keputusan peperiksaan yang cemerlang. Syarikat yang dijemput untuk menjayakan bengkel tersebut adalah Syarikat Adam Khoo's Learning Technologies Group. Aktiviti yang sangat menyentuh perasaanku berlangsung di perpustakaan sekolah. Pada hari itu perpustakaan sekolah ditutup untuk semua pelajar kecuali para peserta bengkel motivasi tersebut. Muzik sentimental yang mengusik jiwa dimainkan secara perlahan mengisi ruang perpustakaan. Lampu perpustakaan dimalapkan untuk mewujudkan